



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Sanib Said. (1989). Melayu di bawah Brooke, 1841-1941: Mulanya Kejatuhan Sosio-politik Melayu. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 87-106

MELAYU DI BAWAH BROOKE, 1841-1941: MULANYA KEJATUHAN SOSIO-POLITIK MELAYU

Sanib Said

PENDAHULUAN

Kebudayaan merangkumisemua aspek kehidupan, dari aspek seni tarian hingga aspek falsafah dan pemikiran sesuatu bangsa. Ketinggian sesuatu kebudayaan menjadi ukuran kepada kemajuan, peningkatan sesuatu bangsa. Oleh kerana itulah semua bangsa atau suku kaum mahu mencapai dan mencipta kebudayaan yang tinggi; semua mahu maju. Bagaimanapun tidak semua, anggota bangsa itu menyedari kebaikan yang boleh dinikmati dalam kebudayaan yang tinggi ataupun anggota masyarakat itu tidak menyedari ada perkara-perkara yang lebih baik daripada apa yang mereka amalkan selama berabad-abad. Dalam keadaan inUah sesuatu bangsa itu memerlukan pemimpin, pemimpin yang baik akan banyak mempunyai peluang untuk meningkatkan kebudayaan bangsanya. Tetapi ada juga pemimpin yang memandu atau membawa bangsanya ke jalan yang salah atau membuat keputusan yang salah, maka kebudayaan sesuatu bangsa itu tidak akan meningkat, sebaliknya akan jatuh ke lembah yang lebih rendah. Semua ini pernah berlaku, mungkin kita sudah lupa tetapi sejarah tidak pernah begitu. Kita yang beragama Islam sudah tentu mempercayai qisas beberapa kaum yang mempunyai tamadun yang tinggi, seperti kaum Nabi Lut, kaum Tsamud dan lain-lain lagi, dimusnahkan oleh Allah s.w.t. Kebudayaan sesuatu bangsa itu walaupun sudah tinggi tidak semestinya akan berkembang maju. Oleh sebab itu setiap kali jatuh, pemimpin sesuatu bangsa itu hams menyedarkan bangsanya, membangunkan bangsanya semula.

MELAYU DI BAWAH BROOKE, 1841-1941: MULANYA KEJATUHAN SOSIO-POLITIK MELAYU

oleh

Sanib Said

PENGENALAN

Kebudayaan merangkumi semua aspek kehidupan, dari aspek seni tarian hingga aspek falsafah dan pemikiran sesuatu bangsa. Ketinggian sesuatu kebudayaan menjadi ukuran kepada kemajuan, peningkatan sesuatu bangsa. Oleh kerana itulah semua bangsa atau suku kaum mahu mencapai dan mencipta kebudayaan yang tinggi; semua mahu maju. Bagaimanapun tidak semua, anggota bangsa itu menyedari kebaikan yang boleh dinikmati dalam kebudayaan yang tinggi ataupun anggota masyarakat itu tidak menyedari ada perkara-perkara yang lebih baik daripada apa yang mereka amalkan selama berabad-abad. Dalam keadaan inilah sesuatu bangsa itu memerlukan pemimpin, pemimpin yang baik akan banyak mempunyai peluang untuk meningkatkan kebudayaan bangsanya. Tetapi ada juga pemimpin yang memandu atau membawa bangsanya ke jalan yang salah atau membuat keputusan yang salah, maka kebudayaan sesuatu bangsa itu tidak akan meningkat, sebaliknya akan jatuh ke lembah yang lebih rendah. Semua ini pernah berlaku, mungkin kita sudah lupa tetapi sejarah tidak pernah begitu. Kita yang beragama Islam sudah tentu mempercayai *qisas* beberapa kaum yang mempunyai tamadun yang tinggi, seperti kaum Nabi Lut, kaum Tsamud dan lain-lain lagi, dimusnahkan oleh Allah s.w.t. Kebudayaan sesuatu bangsa itu walaupun sudah tinggi tidak semestinya akan berkembang maju. Oleh sebab itu setiap kali jatuh, pemimpin sesuatu bangsa itu harus menyedarkan bangsanya, membangunkan bangsanya semula.

Kebudayaan Melayu Sarawak dari segi agama, politik, sosial dan ekonomi boleh dikatakan yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain lama sebelum kehadiran Raja Putih Brooke pada abad ke-19. Semasa zaman Brooke kebudayaan Melayu dengan cepat berubah menjadi lebih rendah. Dalam masa seratus tahun dasar-dasar Brooke menghilangkan kuasa politik, sosial dan ekonomi Melayu. Kejatuhan itu berterusan semasa Sarawak menjadi koloni British selepas Perang Dunia Kedua. Kaum Iban yang baru saja berhijrah dari selatan Borneo jauh ketinggalan dalam serba-serbi tetapi selepas Perang Dunia Kedua mereka sehingga sekarang maju dengan pesat. Orang Cina yang hanya tiba pada tahun-tahun 1870-an telah berjaya mengejar dan mengalahkan kaum Melayu dan kaum-kaum yang lain. Tidak sampai seratus tahun kaum lain sudah berkembang maju, bangsa Melayu yang lebih awal mempunyai kebudayaan yang tinggi bukan saja gagal

meningkatkan kebudayaan itu tetapi menjatuhkan kebudayaan sendiri akibat perbalahan isu penyerahan. Dalam keadaan begini memang terdapat pemimpin-pemimpin Melayu yang cuba menyedarkan bangsanya daripada lamunan mimpi zaman kegemilangan yang sudah hilang. Kertas kerja ini cuba menganalisis kemerosotan kebudayaan Melayu yang meliputi aspek sosiopolitik dan meninjau usaha pemimpin-pemimpin terawal untuk membawa bangsanya mencapai kemajuan semasa zaman Raja Putih, Brooke.

DATU PATINGGI DAN KUASA POLITIK

Kebudayaan Melayu Sarawak hasil daripada pengalaman bangsa itu sendiri yang terdedah oleh dunia luar dan kemudian oleh agama Islam adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Sebelum James Brooke datang dan sebelum berada di bawah empayar Kesultanan Brunei, kaum Melayu di Sarawak sudah mempunyai pusat-pusat penting seperti Sawaku (Sarawak) Kalaka, Samarahan sehingga perlu ditundukkan oleh Majapahit seperti yang dicatatkan oleh Prapanca dalam *Negarakartagama* pada tahun 1368². Kemudian pusat-pusat kaum Melayu ini jatuh ke tangan empayar Kesultanan Brunei seperti yang terbukti dalam sumber China, *Sung Lein*³. Di bawah Kesultanan Brunei boleh dikatakan kebudayaan kaum Melayu dari segi politik, agama dan ekonomi telah meningkat. Walaupun semua sungai di Sarawak di bawah kerajaan Kesultanan Brunei tetapi sistem pentadbiran Brunei membenarkan kuasa autonomi yang agak longgar di sungai-sungai ini. Empayar Kesultanan Brunei yang pernah meliputi keseluruhan pantai di utara Borneo dan keseluruhan kepulauan Filipina sebelum abad ke-17 dibahagikan kepada tiga kategori jajahan, iaitu *kerajaan*, *kuripan* dan *tulin*. *Kerajaan* ialah jajahan di bawah pentadbiran sultan, *kuripan* di bawah wazir dan *tulin*, jajahan yang dianugerahkan kepada raja-raja dan pengiran-pengiran dan menjadi milik peribadi mereka dan boleh diwariskan kepada anak-anak mereka.⁴

Lembah Sungai Sarawak termasuk di bawah kategori *kerajaan* dan oleh yang demikian merupakan jajahan di bawah kuasa peribadi sultan. Oleh kerana sultan mempunyai tugas-tugas keseluruhan empayar maka pentadbiran di lembah Sungai Sarawak diwakilkan kepada penduduk tempatan yang dilantik sebagai Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong. Sarekei juga merupakan sebuah *kerajaan*. Menjelang abad ke-19 sebahagian besar daripada jajahan empayar Kesultanan Brunei adalah berbentuk *tulin*. Contohnya ialah Mukah, Limbang dan Lawas⁵. Sebagai *tulin*, pentadbiran Mukah berada di tangan seorang pengiran dan kerana Mukah merupakan pengeluar sagu yang menjadi makanan utama orang-orang Brunei⁶ banyak pedagang pergi ke sana dan banyak yang tinggal dan seterusnya berkahwin dengan gadis-gadis Melanau dan menjadikan Melanau Melayu.⁷

Semasa kebudayaan Melayu berada di peringkat yang tinggi inilah James Brooke tiba di Kuching dan kemudian membentuk dinasti Raja Putih dan negeri Sarawak melalui dasar perluasan yang ditujukan kepada Kesultanan Brunei. Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong seperti yang telah dinyatakan di atas mempunyai kuasa autonomi yang agak banyak dan apabila Sultan Brunei melantik Pengiran Indera Mahkota Muhammad Salleh⁸ sebagai wakil baginda datu-datu berasa tidak senang. Datu-datu kehilangan kuasa dan fungsi memungut cukai sebagai sumber pendapatan mereka dan oleh sebab itulah mereka memimpin penduduk